

ANALISIS FONOLOGI SUBDIALEK MELAYU KEDAH KUNLUANG DALAM WAYANG KULIT SERI ASUN

*(A Phonological Analysis of the Kedah Malay Kunluang
Sub-dialect in Wayang Kulit Seri Asun)*

* *Darwalis Sazan*

darwalis.sazan@gmail.com

Md Zahril Nizam Md Yusoff

zahril_nizam@yahoo.com

Noriah Mohamed

noriahm@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 2 Disember 2019

Sila rujuk: Darwalis Sazan, Md Zahril Nizam Md Yusoff dan Noriah Mohamed. (2019). Analisis fonologi subdialek Melayu Kedah Kunluang dalam Wayang Kulit Seri Asun. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 169-198.

Abstrak

Kajian ini membincangkan dan menganalisis fonologi subdialek Melayu Kedah Kunluang dalam Wayang Kulit Seri Asun (SMKK). Subdialek Melayu Kedah Kunluang ini terangkum dalam subdialek Kedah Utara, yakni subdialek yang dituturkan meliputi timur laut Jitra hingga ke sempadan Thailand-Malaysia (Asmah, 1988). Kajian ini diketengahkan untuk, (1) menampung kelompangan kajian variasi subdialek di kawasan, daerah dan mukim, (2) mengkaji sekiranya terdapat unsur pengaruh variasi dialek Kedah Siam dalam SMKK. Analisis data kajian dijalankan berlandaskan proses fonologi mengikut Teori Fonologi Generatif oleh Chomsky dan Halle (1968). Analisis data ini akan dihuraikan daripada input (struktur dalaman) kepada output (struktur permukaan) untuk menggambarkan representasi sebenar dalam SMKK. Dapatan analisis kajian memperlihatkan proses fonologi yang berlaku dalam SMKK ialah

pendiftongan, pemanjangan vokal, perendahan vokal, penggantian konsonan, perubahan konsonan, asimilasi nasal, pengguguran konsonan, pengglotisan, penasalan vokal dan penyisipan. Hal ini menjelaskan bahawa proses fonologi SMKK adalah seragam dengan dialek Kedah Standard dan tidak menerima sebarang pengaruh daripada variasi dialek Kedah Siam, walaupun SMKK dituturkan di daerah Kubang Pasu berhampiran dengan daerah Padang Terap, Kuala Nerang dan lain-lain yang jelas menerima pengaruh daripada variasi dialek Kedah Siam.

Kata kunci: fonologi, proses fonologi, dialek Melayu Kedah, subdialek Melayu Kedah Kunluang, Wayang Kulit Seri Asun

Abstract

This study discusses and analyses the phonology of the Kedah Malay Kunluang sub-dialect (SMKK) in the Wayang Kulit Seri Asun. The Kedah Malay Kunluang sub-dialect (SMKK) is one of the sub-dialects of northern Kedah, and is spoken from northeastern Jitra to the Thailand–Malaysia border, according to Asmah (1988). This study aims (1) to complement the study of subdialectal variations of areas, districts and sub-districts and (2) to study if there is any element of influence from the Kedah Siamese dialect in SMKK. The data analysis was performed based on the phonological processes according to the Generative Phonological Theory of Chomsky and Halle (1968). Analysis of the data is described from input (Underlying Structure) to the output (Surface Structure) to provide a representation of the actual pronunciation of SMKK native speakers. The findings of this study show that phonological processes that occur in SMKK consists of diphthongization, vowel lengthening, vowel lowering, consonant replacement, consonant changes, nasal assimilation, consonant deletion, glottalization, vowel nasalization, and insertion. This shows that SMKK phonological processes are in unity with the Kedah Standard dialect and have not received any influence from the Kedah Siam dialect, even though SMKK is spoken in the Kubang Pasu district near Padang Terap, Kuala Nerang and others that have received obvious influences from the Kedah Siam dialect.

Keywords: Phonology, phonological processes, Malay Kedah dialect, the Malay Kedah Kunluang sub-dialect, Wayang Kulit Seri Asun

PENGENALAN

Sistem komunikasi antara manusia menyumbangkan kajian terhadap pelbagai bahasa dan dialek dalam sesebuah komuniti masyarakat di dunia. Salah satu aspek kajian bahasa ialah fonologi. Analisis fonologi memperlihatkan kepentingannya dalam penelitian sesuatu bahasa dan dialek. Hal ini telah lama dibuktikan oleh penyelidik terdahulu.

Komuniti berbilang kaum di Malaysia mempengaruhi penggunaan dialek dan bahasa oleh seseorang penutur. Hal ini dinyatakan oleh Asmah (2008, pp. 10-12) bahawa identiti penutur jati atau sebaliknya dapat dibezakan dengan penggunaan dialek atau bahasa penutur itu sendiri. Noriah (2014, p. 4) menjelaskan bahawa perbezaan penggunaan bentuk bahasa yang dikenali sebagai dialek disebabkan oleh wujudnya beberapa faktor yang mempengaruhinya seperti penyebaran penduduk, pengasingan dan juga pengkreolan. Cara berkomunikasi dan perbezaan penggunaan sesuatu dialek atau bahasa mencerminkan identiti diri penutur. Penggunaan bahasa yang rencam juga melambangkan keunikan bahasa itu sendiri.

Kajian ini meneliti keunikan subdialek Melayu Kedah melalui penggunaan bahasa dalam wayang kulit di Kunluang, Kedah. Komuniti ini menetap di Kampung Kunluang, Kubang Pasu, Jitra, Kedah. Kampung Kunluang terletak kira-kira 25 kilometer dari utara bandar Alor Setar di mukim Binjal di daerah Kubang Pasu. Komuniti ini menuturkan subdialek Melayu Kunluang Kedah (SMKK). Namun begitu, terdapat sebilangan komuniti masyarakat yang menuturkan dialek Kedah Siam. Oleh sebab terdapat sebilangan masyarakatnya yang bertutur menggunakan dialek Kedah Siam, penyelidik berpendapat bahawa adalah wajar untuk mengkaji pengaruh dialek ini terhadap proses fonologi SMKK.

Shuib (1971) menyatakan bahawa dialek Melayu Kedah dipengaruhi oleh pelat atau dialek mengikut kawasan tertentu. Misalnya, di kawasan utara dialek ini lebih dipengaruhi oleh pelat Siam kerana kedudukannya dengan sempadan Thailand sangat hampir, di kawasan timur dialek ini seakan-akan pelat Patani dan di kawasan persisir dialek ini kurang dipengaruhi oleh dialek Patani. Subdialek Kedah masih dapat didengar dalam komunikasi harian, namun yang membezakan variasi subdialek Kedah ini ialah penggunaan dialek di sesuatu kawasan atau daerah yang berbeza. Rentetan itu, ketidakseragaman subdialek ini mewujudkan perbezaan dari aspek sebutan dan pelat dialek yang digunakan. Beberapa contoh kepelbagaian subdialek di Kedah dapat dilihat seperti yang berikut:

(1) Penyebaran konsonan getaran /r/ pada posisi akhir kata Dialek Melayu Kedah (DMK) / Kedah Standard.

Input	DMK	Input	DMK
/pagar/	[pagaʁ]	/tukar/	[tukaʁ]
/ular/	[ulaʁ]	/bəsar/	[bəsaʁ]

[Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Zaharani (2006, p. 3) dan Tajul Aripin (2011, p. 39).]

(2) Perbezaan subdialek Kedah Utara (SKU) dan subdialek Kedah Persisiran (SKP) yang wujud pada rangkap konsonan nasal-oral bersuara disebabkan pengecualian sesetengah konsonan dikekalkan dan digugurkan. Subdialek ini dibandingkan dengan Bahasa Melayu Standard (BMS).

SKU	SKP	BMS
kambin atau kamin	kambin	kambiŋ
tunggu atau tuju	tunggu	tunggu

[Sumber: Dipetik dan diubah suaikan daripada (Asmah, 2008, p. 241)]

(3) Perbezaan subdialek Kedah Utara (SKU) dan Bahasa Kedah Standard (BKS) bagi pola homorganik nasal-obstruen.

SKU	BKS	BMS
nappoʔ	nampaʔ	nampak
hammāt	hambat	hambat
kappoŋ	kampoŋ	kampung
ləmmū	ləmbu	ləmbu

[Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada (Shahidi, 2012, pp. 73, 74).]

PENYATAAN MASALAH

Bidang fonologi yang memberikan tumpuan terhadap perbezaan subdialek di sesuatu kawasan, daerah atau mukim di Malaysia sangat kurang dari segi jumlah kajiannya. Walaupun, sumbangan kajian penyelidik lepas,

seperti Asmah (1977, 1988), Ruslan (2011) dan Shahidi (2012) terhadap subdialek di Kedah dijalankan, namun masih terdapat kelompangan yang perlu diisi dan diberikan perhatian khusus. Asmah (1977) (1988) mendeskripsikan proses fonologi terhadap subdialek Kedah Utara dan subdialek Kedah Persisiran yang cemerlang hasil kajiannya, namun perincian yang dihuraikan tidak memberikan fokus seratus peratus terhadap sesebuah kawasan, daerah atau mukim tertentu. Ruslan (2011) dan Shahidi (2012) kedua-duanya cenderung menjalankan kajian di kawasan, daerah atau mukim tertentu, dan kajian mereka memberikan ilham kepada penyelidik untuk melakukan kajian di kawasan, daerah atau mukim yang terdiri daripada sebilangan komuniti masyarakat yang dapat menuturkan dialek Kedah Siam. Oleh itu, kajian di daerah Kubang Pasu di mukim Binjal ini penting untuk melihat sekiranya terdapat unsur pengaruh variasi dialek Kedah Siam dalam SMKK atau sebaliknya.

Pemerian data kajian berlandaskan proses fonologi mengikut Teori Fonologi Generatif oleh Chomsky dan Halle (1968) agar setiap proses fonologi dalam SMKK dapat dikenal pasti secara keseluruhannya mengikut sebutan sebenar.

KAJIAN DIALEK MELAYU KEDAH DAN SUBDIALEK MELAYU KEDAH

Bahagian ini memaparkan beberapa kajian yang pernah dilakukan terhadap dialek dan subdialek Melayu Kedah secara umum. Antara sarjana yang terawal melakukan penyelidikan tentang dialek Melayu Kedah ialah Ida (1969). Beliau membicarakan tentang penyebaran bunyi vokal, konsonan dan kehadiran diftong yang wujud dalam dialek Melayu Kedah berdasarkan perbandingan pola penyebaran dalam bunyi vokal, konsonan dan diftong sebutan penutur jati. Pemerian beliau mengenai dialek ini dilihat sebagai penyelidikan awal kerana pendeskripsian secara fonologi yang dikemukakan agak terhad dan dibincangkan secara umum sahaja.

Abdul Karim (1971) menjalankan penyelidikan terhadap dialek Baling. Kajian beliau memerikan dialek Baling dan dialek Kedah Standard bagi melihat perbezaan dan persamaan proses fonologi bagi kedua-dua dialek dan subdialek ini. Hasil penyelidikan beliau mendapati bahawa terdapat beberapa persamaan dalam dialek Baling dengan dialek Kelantan secara fonologi. Perincian dan persoalan tentang kewujudan persamaan antara dialek Baling dengan dialek Kelantan disebabkan oleh penerimaan pengaruh daripada subdialek di Kedah yang berhampiran dengan daerah

Baling, yakni subdialek Patani dan subdialek Kedah Sam sam. Hal ini turut mendapat perhatian pengkaji Ruslan (2011) yang melakukan kajian terhadap dialek Melayu Patani. Penerimaan pengaruh atau pinjaman bahasa Thai merupakan faktor utama berlakunya proses fonologi yang hampir sama dengan bahasa Thai terhadap dialek Melayu Patani. Faktor utamanya disebabkan oleh beberapa pola sistem dan bunyi yang merangkumi variasi fonem konsonan serta vokal.

Selain itu, Asmah (1977, 1988) juga tidak ketinggalan menjalankan penyelidikan terhadap subdialek di Kedah yang memerikan variasi dialek dan menganalisis perbandingan kedua-dua subdialek, seperti subdialek Kedah Persisiran dengan subdialek Kedah Utara. Beliau mendeskripsikan kewujudan proses fonologi yang berlaku, seperti proses pendiftongan, konsonan nasal-oral, dan rangkap vokal dalam kedua-dua subdialek secara perbandingan. Proses fonologi yang melibatkan pendiftongan “aw” menyumbangkan hasil yang ketara dalam perbandingan setiap variasi subdialek kerana rangkap konsonan nasal oral bersuara, dan rangkap vokal “ay”, dan “oy” menghasilkan sebutan yang berbeza. Misalnya, perkataan “gaul” dalam sebutan bahasa Melayu Standard (BMS) menghasilkan proses pendiftongan yang berbeza bagi subdialek Kedah Utara (SKU) dan menghasilkan sebutan “gay” dan sebutan “goy” bagi subdialek Kedah Persisiran (SKP).

Collins (1986) mengkaji proses fonologi dialek Kedah yang terdapat di kawasan Pulau Langkawi. Beliau membincangkan proses penyengauan yang berlaku dalam dialek Kedah di kawasan Pulau Langkawi kerana dipengaruhi oleh hukum fonetik khususnya bunyi yang terdapat pada vokal di sekelilingnya. Lanjutan itu, beliau turut memperincikan proses penyengauan vokal dalam lingkungan fonetik tertentu, iaitu penyengauan pada lingkungan konsonan tunggal dan penyengauan sebelum bunyi geseran rongga tekak. Hasil perincian dan pengelompokan oleh Collins menyumbangkan hasil dapatan baharu, yakni fonem vokal dialek ini mempunyai lebih daripada lapan fonem manakala proses penyengauan ternyata berbeza dengan dialek lain.

Daripada kajian yang disorot, jelas membuktikan bahawa kajian yang dilakukan oleh sarjana lepas cemerlang dari aspek penghuraian mahupun dapatan kajian. Namun begitu, masih terdapat kekurangan dalam pemerian data yang perlu diisi, seperti aspek fonetik dan fonologi, leksikal, kosa kata, penggunaan rumus fonologi untuk membuktikan ketepatan input dan output sesuatu dialek ataupun subdialek. Pendedahan penggunaan rumus

fonologi secara dekat dan perincian daripada sumber yang disorot agak sukar diperoleh lebih-lebih lagi melibatkan linguistik am.

Oleh hal yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pengkaji baharu untuk mengisi kelompangan yang masih kurang dalam usaha menjalankan kajian dengan pengumpulan data kajian yang terkini.

METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORETIS

Kajian ini memfokuskan analisis terhadap fonologi SMKK dalam Wayang Kulit Seri Asun. Justifikasi pemilihan Wayang Kulit Seri Asun untuk mengkaji SMKK adalah kerana subdialek ini mencerminkan identiti penutur jatinya yang tinggal di mukim Binjal, Kubang Pasu. Selain itu, keunikan persembahan Wayang Kulit Seri Asun itu sendiri yang dituturkan oleh penutur jati yang kian dilupakan oleh generasi muda. Warisan ini perlu dirakamkan agar keunikan wayang kulit tidak dilupakan dan kekal sebagai pusaka budaya tradisional Melayu.

Kajian menjadi lebih menarik sekiranya seseorang penyelidik dapat memvariasikan kajian tidak sekadar menerusi kaedah temu bual malah menerusi sumber kutipan data yang pelbagai. Sebanyak lima episod rakaman video (CD) persembahan Wayang Kulit Seri Asun digunakan dalam kajian. Antara termasuklah lima video (CD) yang digunakan termasuklah “Nasib Si Miskin” (2004), “Budi Bahasa Budaya Kita” (2006), “Awang Kena Naya” (2006), “Air Mata Ibu Tiri” (2008), dan “Gila Gambar” (2010). Setiap lima (5) video (CD) mengandungi dialog yang dituturkan Tok Dalang yang tempoh masanya lapan hingga sepuluh minit, yakni setiap perkataan yang dituturkan disenaraikan supaya data dapat ditranskripsikan dengan mudah dari struktur input kepada output. Justifikasi penyelidik memilih lima episod daripada Wayang Kulit Seri Asun dilihat berpada kerana lima buah rakaman video (CD) mengandungi lebih 500 perkataan secara keseluruhan mengikut proses fonologi. Walau bagaimanapun, penyelidik hanya menyenaraikan sebanyak lima contoh data dan mengikut data yang terdapat dalam setiap proses fonologi yang dibincangkan.

Selain itu, temu bual terhadap tiga orang informan juga dijalankan. Justifikasi penyelidik menggunakan kedua-dua data daripada sumber rakaman video dan kaedah temu bual kerana penyelidik ingin memastikan kesahihan data menerusi kaedah pemerhatian dan penelitian secara langsung untuk mendengar secara jelas dan dekat bahawa SMKK yang dituturkan adalah sejajar dengan rakaman video (CD) dan tidak mempunyai sebarang

perbezaan dari segi sebutan sebenar. Oleh itu, temu bual informan wajar dilakukan dan tidak hanya bergantung pada pengumpulan data daripada rakaman video (CD) sahaja.

Kaedah temu bual dijalankan bersama-sama tiga orang informan yang memenuhi syarat informan, seperti penutur jati SMKK dan penduduk asal di Kampung Kunluang, Kubang Pasu, mempunyai organ pertuturan dan alat artikulasi yang baik dan akhir sekali berusia 55 tahun ke atas.

Dalam kajian ini, data yang diperolehi dianalisis melalui proses fonologi dalam Teori Generatif oleh Chomsky dan Halle (1968). Pemprosesan data merangkumi dua peringkat utama, yang melibatkan pemprosesan data transkripsi secara umum, yakni transkripsi luas dan sempit. Transkripsi luas dikenali sebagai transkripsi fonemik yang ditandai dengan lambang / / manakala transkripsi sempit juga dikenali sebagai transkripsi fonetik yang ditandai dengan menggunakan lambang []. Pemprosesan data kajian ini membolehkan pengkaji melakukan transkripsi secara teratur.

Oleh hal yang demikian, proses fonologi SMKK dalam Wayang Kulit Seri Asun dapat dikenal pasti dan dilaksanakan sejajar dengan sebutan sebenar.

PENDIFTONGAN

Proses pendiftongan didefinisikan sebagai proses fonologi yang menghubungkan vokal tinggi /i/ dan /u/ bagi menghasilkan suku kata yang bersifat tautosilabik untuk membentuk bunyi diftong [aw], [oj] dan [aj] (Farid & Teoh 1980; 1994). Proses pendiftongan dalam SMKK berlaku disebabkan oleh penyisipan vokal depan [e] di antara vokal rendah /a/ atau vokal rendah /o/ yang hadir sebelum konsonan frikatif /h/ dalam sesuatu perkataan. Dalam SMKK, jika vokal belakang tinggi /u/ wujud dalam perkataan yang mempunyai vokal dan konsonan sebagai satu gugusan /us/ di akhir kata maka vokal /u/ dalam gugusan tersebut akan mengalami perendahan vokal sebagai [o] dan konsonan frikatif [s] berubah menjadi frikatif [h] pada struktur permukaan. Oleh itu, perkataan yang mempunyai gugusan /us/ dan /as/ pada suku kata akhir dalam suku kata tertutup akan berubah menjadi [oh] dan /as/ menjadi [ah]. Walau bagaimanapun, struktur /oh/ dan /ah/ tidak dibenarkan menjadi output kerana /oh/ dan /ah/ di akhir kata dalam SMKK mesti disisip dengan vokal separuh tinggi [e] untuk mendapatkan output sebenar. Dengan penyisipan vokal separuh tinggi [e] menyebabkan urutan /oeh/ dan /aeh/ dibunyikan sebagai [oeh] dan [aeh]. Antara contoh perkataan yang terhasil melalui proses pendiftongan dalam SMKK adalah seperti yang berikut:

			SMKK	BMS
i. Didahului vokal /a/	/bəkas/	/bəkai̯h/	[bəkach̥]	“bekas”
	/bəlas/	/bəlai̯h/	[bəlach̥]	“belas”
	/əmas/	/əmai̯h/	[əmach̥]	“emas”
	/rampas/	/rampai̯h/	[ɽampach̥]	“rampas”
	/riŋkas/	/riŋkai̯h/	[ɽiŋkach̥]	“ringkas”
ii. Didahului vokal /u/	/harus/	/hayui̯h/	[hayoeh̥]	“harus”
	/həmbus/	/həmbui̯h/	[həmboeh̥]	“hembus”
	/rəbus/	/rəbui̯h/	[ɽəboeh̥]	“rebus”
	/təbus/	/təbui̯h/	[təboeh̥]	“tebus”
	/mampus/	/mampui̯h/	[mampoeh̥]	“mati”

Berdasarkan contoh data di atas, formulasi rumus proses pendiftongan yang berlaku dalam SMKK dinyatakan seperti yang berikut:

$$\emptyset \rightarrow [e] \quad / \quad a \quad ____ h \quad \{ \# \}$$

e
o

Berdasarkan rumus pendiftongan di atas, urutan /oh/ dan /ah/ dalam SMKK tidak dibenarkan wujud sebagai struktur permukaan [oh] dan [ah] seperti dalam dialek Melayu lain, sebaliknya urutan /oh/ dan /ah/ dalam SMKK mesti disisipkan dengan vokal separuh tinggi [e] untuk menghasilkan struktur permukaan sebenar.

PEMANJANGAN VOKAL

Proses pemanjangan vokal dalam SMKK berlaku disebabkan oleh perendahan vokal tinggi /i/ kepada vokal rendah yang hadir sebelum konsonan frikatif /h/ dalam sesuatu perkataan. Dalam SMKK hanya gugusan /is/ di akhir kata sahaja akan mengalami proses pemanjangan vokal yakni vokal /i/ dalam gugusan tersebut mengalami perendahan

vokal sebagai [e] dan konsonan frikatif [s] berubah menjadi frikatif [h] pada struktur permukaan. Setelah proses perendahan vokal tinggi /i/ dan perubahan konsonan frikatif [s] berubah menjadi frikatif [h] berjaya dilaksanakan, maka penyisipan vokal rendah [e] berlaku pada kedudukan antara gugusan [eh]. Struktur /eh/ tidak dibenarkan menjadi output di akhir kata dalam SMKK kerana struktur ini mesti disisipkan dengan vokal separuh tinggi [e] untuk mendapatkan output sebenar. Oleh hal yang demikian, penyisipan vokal separuh tinggi [e] menyebabkan urutan /eeh/ dibunyikan sebagai [e:h]. Contoh perkataan yang terhasil melalui proses pemanjangan vokal dalam SMKK adalah seperti yang berikut:

			SMKK	BMS	
i.	Gugusan /is/	/habis/	/habeeh/	[habe:h]	“habis”
		/tiyis/	/tiyeeh/	[tiye:h]	“tiris”
		/lapis/	/lapeeh/	[lape:h]	“lapis”
		/lipis/	/lipeeh/	[lipe:h]	“lipis”
		/manis/	/manceeh/	[mane:h]	“manis”

Dalam hal ini, perkataan yang disenaraikan merupakan data sebenar dalam SMKK walaupun terdapat gugusan /is/ dalam perkataan, namun gugusan ini tidak berlaku sebagai proses pendiftongan seperti yang terdapat dalam gugusan /as/ dan /us/. Hal ini sedemikian kerana proses pemanjangan vokal dalam perkataan yang bergugusan /is/ berlainan dengan gugusan /as/ dan /us/ seperti yang terdapat dalam proses pendiftongan SMKK.

PERENDAHAN VOKAL

Proses perendahan vokal berlaku apabila sesuatu perkataan yang mempunyai vokal tinggi /i/ dan /u/ mengalami proses perendahan vokal kepada [e] dan [o]. Dalam SMKK proses perendahan vokal adalah sama seperti dalam BMS. Proses perendahan vokal tinggi /i/ dan /u/ akan menghasilkan struktur permukaan sebagai vokal rendah depan [e] dan vokal rendah belakang [o] apabila vokal ini hadir pada sesuatu perkataan bersuku kata tertutup (Farid, 1980, p. 20). Contoh perkataan dalam SMKK dan BMS yang mengalami proses perendahan vokal yang sama seperti yang berikut:

		SMKK	BMS
i. /i/ → [e]	/adik/	[adeʔ]	“adik”
	/baik/	[baeʔ]	“baik”
	/balik/	[baleʔ]	“balik”
	/bilik/	[bileʔ]	“bilik”
	/musim/	[musem]	“musim”
ii. /u/ → [o]	/bunuh/	[bunoh]	“bunuh”
	/ləbuh/	[ləboh]	“leboh”
	/pənuh/	[pənoh]	“penuh”
	/rukun/	[yukon]	“rukun”
	/sungguh/	[sunggoh]	“sungguh”

Contoh perbandingan perkataan dalam BMS yang mengalami proses perendahan vokal adalah seperti yang berikut:

		BMS	BMS
i. /i/ → [e]	/adik/	[adek]	“adik”
	/baik/	[back]	“baik”
	/balik/	[balek]	“balik”
	/bilik/	[bilek]	“bilik”
	/musim/	[musem]	“musim”
ii. /u/ → [o]	/bunuh/	[bunoh]	“bunuh”
	/ləbuh/	[ləboh]	“leboh”
	/pənuh/	[pənoh]	“penuh”
	/rukun/	[yukon]	“rukun”
	/sungguh/	[sunggoh]	“sungguh”

Data di atas disenaraikan berdasarkan proses perendahan vokal yang berlaku dalam SMKK. Rumus perendahan vokal yang berlaku dalam SMKK adalah seperti yang berikut:

$$\begin{matrix} i & \longrightarrow & e & / \text{ ______ } K \# \\ u & & o & \end{matrix}$$

Berdasarkan rumus yang dinyatakan, proses perendahan vokal dalam SMKK berlaku dalam suku kata dan menyebabkan struktur permukaannya berubah menjadi vokal rendah tinggi [e] dan vokal rendah [o]. Namun begitu, terdapat beberapa perkataan dalam SMKK yang tidak dapat dilaksanakan proses perendahan vokal tinggi /i/ dan /u/ disebabkan suku kata terbuka di akhir kata tidak mengalami proses perendahan vokal. Sekiranya proses perendahan dilaksanakan bagi vokal tinggi /i/ dan /u/, maka sebutan yang dihasilkan tidak memperlihatkan keaslian SMKK sebaliknya melanggar hukum rumus bagi proses perendahan dan pengekalan vokal tinggi dalam suku kata terbuka. Contoh ini memperlihatkan dapatan data daripada suku kata terbuka SMKK yang menghasilkan struktur permukaan tidak tepat seperti yang berikut:

			SMKK		BMS
i.	/i/ → [i]	/pi/	[pi]	*[pe]	“pergi”
		/mai/	[mai]	*[mac]	“mari”
		/ni/	[ni]	*[ne]	“ini”
ii.	/u/ → [u]	/mau/	[maw]	*[mac]	“mahu”
		/tau/	[taw]	*[tac]	“tahu”
		/bau/	[baw]	*[bac]	“bau”

Dalam [pi], [mai], [maw] dan lain-lain, kata ini mengalami pengekalan vokal. Sekiranya perkataan tersebut dilaksanakan dengan rumus perendahan vokal, maka proses fonologi SMKK sebenar tidak dapat dihasilkan selaras dengan sebutan Tok Dalang. Sebutan yang dihasilkan bertentangan dengan makna asal perkataan. Contoh, kata /pi/ menjadi *[pe], /mai/ menjadi *[mac], /mau/ menjadi *[mae] dan lain-lain.

PENGGANTIAN KONSONAN /r/ DENGAN KONSONAN FRIKATIF FARINKS [ʕ]

Penggantian konsonan getaran /r/ dengan konsonan frikatif farinks [ʕ] dalam SMKK berlaku pada konsonan getaran /r/ pada posisi koda di akhir kata. Penggantian konsonan dalam SMKK masih mengekalkan sebutan dan makna yang sebenar walaupun fonem getaran /r/ digugurkan pada posisi koda di akhir kata. Contoh dihuraikan bagi memperlihatkan penggantian konsonan getaran /r/ dengan konsonan frikatif farinks [ʕ] adalah seperti yang berikut:

	SMKK	BMS
/bəladʒar/	[bəladʒaʕ]	“belajar”
/bənar/	[bənaʕ]	“benar”
/dəŋar/	[dəŋaʕ]	“dengar”
/gambar/	[gambãʕ]	“gambar”
/hantar/	[hantãʕ]	“hantar”

Berdasarkan data yang disenaraikan di atas rumus penggantian konsonan getaran /r/ dengan konsonan frikatif farinks [ʕ] yang berlaku dalam SMKK adalah seperti yang berikut:

$$/r/ \rightarrow [ʕ] \quad / \quad V \text{ ______ } \#$$

PENGGANTIAN KONSONAN LIKUIDA GETARAN /r/ DENGAN KONSONAN FRIKATIF VELAR BERSUARA [ɣ]

Penggantian konsonan likuida getaran /r/ dengan frikatif velar bersuara [ɣ] juga turut berlaku dalam SMKK. Penggantian berlaku apabila konsonan likuida getaran /r/ wujud di antara vokal dan posisi koda dalam suku kata tertutup dan terbuka. Sekiranya fonem likuida getaran /r/ wujud di antara vokal dan posisi koda dalam suku kata tertutup dan terbuka, maka fonem ini akan membentuk struktur permukaan konsonan frikatif velar bersuara [ɣ]. Contoh diperlihatkan seperti yang berikut:

	SMKK	BMS
/baraŋ/	[baɣaŋ]	“barang”
/bəruaŋ/	[bəɣuwaŋ]	“beruang”
/bitʃara/	[bitʃaya]	“bicara”
/bərtʃəlaru/	[bətʃəlayu]	“bercelaru”
/kərja/	[kəɣdʒa]	“kerja”

Formulasi rumus bagi proses ini dinyatakan seperti yang berikut:

/r/ → [ɣ] / V _____ V

dan

/r/ → [ɣ] / V _____ K

Proses penggantian konsonan likuida getaran /r/ dengan konsonan frikatif velar bersuara [ɣ] dikenal pasti dalam sebutan Tok Dalang bagi konsonan frikatif velar bersuara [ɣ] dapat didengar dengan jelas apabila konsonan likuida getaran /r/ berlaku di antara vokal dan posisi koda dalam suku kata tertutup dalam SMKK. Proses ini dilihat berlaku dalam perkataan yang terdiri daripada dua dan tiga suku kata dalam SMKK.

PENGGANTIAN KONSONAN FRIKATIF LABIAL /f/ DENGAN KONSONAN PLOSIF [p]

Proses penggantian konsonan frikatif labial /f/ berubah menjadi konsonan plosif labial [p] berlaku dalam SMKK. Bagi merealisasikan proses penggantian konsonan frikatif labial /f/ dengan konsonan plosif labial [p], alomorf yang paling hampir akan digantikan dengan konsonan tersebut bagi membentuk sebutan dalam SMKK pada struktur permukaan. Contoh data kajian dalam SMKK yang mengalami penggantian konsonan frikatif labial /f/ kepada konsonan plosif labial [p] adalah seperti yang berikut:

	SMKK	BMS
/maaf/	[maap]	“maaf”
/faham/	[paham]	“faham”

/fikir/	[pikiaf]	“fikir”
/fikiran/	[pikiyan]	“fikiran”

Formulasi rumus bagi proses perubahan konsonan frikatif labial /f/ kepada konsonan plosif labial [p] dinyatakan seperti yang berikut:

$$/f/ \rightarrow [p]$$

PERUBAHAN ALVEOLAR FRIKATIF TIDAK BERSUARA /s/ MENJADI FRIKATIF GLOTIS TIDAK BERSUARA [h]

Perubahan alveolar frikatif tidak bersuara /s/ menjadi frikatif glotis tidak bersuara [h] berlaku dalam SMKK disebabkan oleh struktur dalaman berubah untuk menghasilkan struktur permukaan apabila fonem frikatif /s/ wujud pada posisi koda. Proses perubahan ini hanya berlaku pada perkataan yang bersuku kata tertutup di akhir kata dalam SMKK. Proses ini juga mempengaruhi vokal yang didahului oleh fonem frikatif /s/ bagi menghasilkan frikatif glotis tidak bersuara [h] pada struktur permukaan. Antara vokal yang dimaksudkan ialah vokal rendah depan /a/, vokal tinggi depan /i/ dan vokal tinggi belakang /u/. Walau bagaimanapun, dalam SMKK fonem frikatif /s/ hanya akan mengalami perubahan dari segi sebutan apabila berada pada suku kata akhir menjadi [h]. Perubahan frikatif /s/ kepada frikatif glotis [h] yang berlaku dalam SMKK dinyatakan seperti yang berikut:

		SMKK	BMS
i. Didahului vokal /a/	/bəkas/	[bəkach]	“bekas”
	/bəlas/	[bəlach]	“belas”
	/ləpas/	[ləpach]	“lepas”
	/lintas/	[lintach]	“lintas”
	/ramas/	[ɣamach]	“ramas”
ii. Didahului vokal /i/	/habis/	[habe:h]	“habis”
	/kəris/	[kəɣe:h]	“keris”
	/hiris/	[hiɣe:h]	“hiris”

iii. Didahului vokal /u/	/tebus/	[teboeh]	“tebus”
	/lulus/	[luloeh]	“lulus”
	/rəbus/	[yəboeh]	“rebus”
	/halus/	[haloeh]	“halus”

Rumus bagi perubahan fonem frikatif /s/ menjadi frikatif glotis tidak bersuara [h] dalam SMKK dapat dirumuskan seperti yang berikut:

$$/s/ \rightarrow [h] \quad / \quad \begin{matrix} a \\ i \\ u \end{matrix} \quad _____\#$$

Berdasarkan rumus yang dikemukakan, jelas memperlihatkan perkataan yang terdiri daripada fonem frikatif /s/ yang mendahului vokal sama ada vokal rendah depan [a], vokal tinggi depan [i] dan vokal tinggi belakang [u] bagi suku kata kedua pada suku kata tertutup akan menghasilkan frikatif glotis tidak bersuara [h] dalam SMKK.

PERUBAHAN KONSONAN LIKUIDA /l/ MENJADI GELUNCURAN [j]

Dalam SMKK, perubahan konsonan likuida /l/ menjadi geluncuran [j] berlaku apabila fonem likuida /l/ hadir selepas vokal /a/ dan /u/ dalam sesuatu perkataan di akhir kata yang bersuku kata tertutup. Namun begitu, jika terdapat konsonan likuida [l] wujud pada awal perkataan yakni menduduki posisi onset dalam suku kata maka konsonan likuida /l/ tidak akan berubah menjadi geluncuran [j]. Proses perubahan konsonan ini dikecualikan dan dikekalkan sebagai fonem likuida /l/ kerana struktur permukaan tidak dapat dioutputkan sebagai geluncuran [j]. Beberapa dapatan disenaraikan seperti yang berikut:

			SMKK	BMS
i. Didahului vokal /a/	/batal/	/batal/	[bataj]	“batal”
	/halal/	/halal/	[halaj]	“halal”

	/kənal/	/kənal/	[kənaj]	“kenal”
	/modal/	/modal/	[modaj]	“modal”
	/sambal/	/sambal/	[sambaj]	“sambal”
ii. Didahului vokal /u/	/bətul/	/bətul/	[bətøj]	“betul”
	/tʃaŋkul/	/tʃaŋkul/	[tʃaŋkoj]	“cangkul”
	/pukul/	/pukul/	[pukoj]	“pukul”
	/dʒambul/	/dʒambul/	[dʒamboj]	“jambul”

$$/l/ \rightarrow [j] / \begin{matrix} V \\ a \\ u \end{matrix} _____\#$$

Berdasarkan aturan rumus yang betul, konsonan likuida /l/ berubah menjadi geluncuran [j] apabila fonem likuida /l/ wujud selepas vokal /a/ dan /u/ dalam sesuatu perkataan di akhir kata. Walau bagaimanapun, dalam SMKK terdapat beberapa perkataan yang tidak dapat dilaksanakan berdasarkan proses fonologi ini. Hal ini disebabkan oleh fonem /l/ yang digugurkan tidak akan berubah menjadi geluncuran [j] selepas vokal tinggi /i/. Rumus di bawah menerangkan rumus pengguguran likuida /l/ yang tidak mengalami perubahan kepada geluncuran [j] apabila fonem likuida /l/ wujud selepas vokal tinggi /i/ seperti yang berikut:

$$/l/ \rightarrow \emptyset / i _____\#$$

Rentetan itu, proses ini menghasilkan struktur permukaan yang tidak tepat apabila sesuatu proses fonologi bercanggah dengan formulasi rumus. Hal ini dapat dilihat lebih jelas dalam contoh yang berikut:

		SMKK		BMS
i. Didahului vokal /e/	/comel/	[come]	*[comej]	“comel”
	/bebel/	[bebe]	*[bebej]	“bebel”

ii. Didahului vokal /i/	/paŋgil/	[paŋge]	*[paŋgej]	“panggil”
	/gigil/	[gige]	*[gigej]	“gigil”
	/hasil/	[hase]	*[hasej]	“hasil”
	/sambil/	[sambe]	*[sambej]	“sambil”

Oleh itu, perkataan /comel/ yang didahului vokal /e/ menghasilkan struktur permukaan *[comej] dan /paŋgil/ yang didahului vokal /i/ menghasilkan struktur permukaan *[paŋgej] seperti di atas tidak tepat kerana tidak mendukung apa-apa makna disebabkan konsonan likuida /l/ tidak berubah menjadi geluncuran [j] selepas vokal tinggi /i/ dalam sesuatu perkataan di akhir kata.

ASIMILASI NASAL

Proses asimilasi nasal dikenali sebagai proses fonologi yang berlaku apabila sesuatu fonem berubah dengan mengambil fitur bersebelahan yang melibatkan penggantian fitur titik artikulasi mengikut Farid (1980, p. 14). Proses asimilasi nasal dalam sebutan Tok Dalang berlaku pada sempadan awalan dengan mengambil fitur bersebelahan dan kemudiannya konsonan nasal digugurkan apabila konsonan yang mempunyai fitur sonorant hadir selepasnya. Ini bermakna asimilasi nasal yang berlaku dalam sebutan Tok Dalang melibatkan imbuhan awalan /pəŋ/ dan /məŋ/ berubah dengan mengambil fitur terdekat, yakni mengambil konsonan nasal sama ada [m], [n], [ŋ] dan juga [ŋ]. Contoh asimilasi nasal dalam SMKK adalah seperti yang berikut:

		SMKK	BMS
i.	Imbuhan awalan pəŋ-		
	/pəŋ + kətua/	[pəŋətua]	“pengetua”
	/pəŋ + dusta/	[pəndusta]	“pendusta”
	/pəŋ + dəŋar/	[pəndəŋaŋ]	“pendengar”
ii.	Imbuhan awalan məŋ-		
	/məŋ + sambut/	[məŋambot]	“menyambut”
	/məŋ + samun/	[məŋamən]	“menyamun”
	/məŋ + tawan/	[məŋawan]	“menawan”

Oleh itu, rumus asimilasi nasal homorganik dapat dirumuskan seperti yang berikut:

$$K \quad \alpha \text{ TA} / \text{_____} \alpha \text{ TA} \\ [+nasal]$$

Berdasarkan rumus di atas dapatlah disimpulkan bahawa dalam SMKK konsonan nasal velar /ŋ/ akan mengambil fitur jirannya, namun konsonan nasal velar /ŋ/ ini akan digugurkan apabila terdapat fitur sonoran hadir selepasnya. Ciri fitur sonoran ini boleh melibatkan bunyi vokal, geluncuran, likuida dan juga nasal. Bagi fitur yang hadir bersebelahan dengan konsonan nasal ini akan mempengaruhi sesuatu proses asimilasi nasal homorganik yang berlaku dalam SMKK.

PENGGUGURAN OBSTRUEN TIDAK BERSUARA

Secara amnya, pengguguran obstruen tidak bersuara dan bersuara berlaku pada sempadan awalan seperti awalan /məŋ/ dan /pəŋ/. Dalam Wayang Kulit Seri Asun, sebutan yang dihasilkan oleh Tok Dalang dalam beberapa perkataan tertentu turut mengalami proses pengguguran obstruen tidak bersuara apabila konsonan nasal pada sempadan awal perkataan /məŋ/ dan /pəŋ/ mendahului konsonan nasal alveolar [n] dan konsonan nasal velar [ŋ]. Bagi obstruen bersuara, konsonan nasal pada sempadan awal perkataan /məŋ/ dan /pəŋ/ yang mendahului konsonan nasal velar [ŋ] digugurkan dengan menggantikan konsonan nasal alveolar [n] dan mengekalkan obstruen bersuara. Contoh memperlihatkan perkataan dalam SMKK yang mengalami pengguguran obstruen tidak bersuara dan bersuara seperti yang berikut:

Obstruen Tidak Bersuara

		SMKK	BMS
i.	Imbuhan awalan məŋ- /məŋ + tawan/	[məŋawan]	“menawan”
ii.	Imbuhan awalan pəŋ- /pəŋ + kətua/	[pəŋətua]	“pengetua”

		SMKK	BMS	
i. Kata Dasar	/tayar/	/taya/	“tayar”	
	/dɔŋar/	/dɔŋa/	“dengar”	
	/lapar/	/lapa/	“lapar”	
	/sabar/	/saba/	“sabar”	
ii. Kata Terbitan bər-	/bər+pələdʒaran/	[bəpələdʒayan]	“berpelajaran”	
	/bər + bilan/	[bəbilan]	“berbilang”	
	/bər+ bintʃan/	[bəbintʃan]	“berbincang”	
	/bər + gandin/	[bəgandin]	“berganding”	
	/bər + timban/	[bətimban]	“bertimbang”	
	tər-	/tər+dɔŋar/	[tədɔŋaə]	“terdengar”
		/tər + kənan/	[təkənan]	“terkenang”
		/tər + bilan/	[təbilan]	“terbilang”
		/tər + ləpas/	[tələpəh]	“terlepas”
		/tər + pikat/	[təpikat]	“terpikat”
	pər-	/pər+ubahan/	[pəubahan]	“perubahan”

Rumus bagi pengguguran likuida getaran /r/ di akhir kata pada posisi koda, dan posisi koda dalam suku kata dinyatakan seperti yang berikut:

/r/ → Ø / V _____ #

dan

/r/ → Ø / V { # } _____ K
atau

/r/ → Ø / _____ #
 |
 Ko

Dalam hal ini, rumus menjelaskan bahawa dalam SMKK mana-mana perkataan yang mempunyai fonem likuida getaran /r/ pada posisi koda dan posisi koda dalam suku kata pada sempadan awalan apabila diikuti oleh konsonan akan digugurkan. Namun begitu, pengguguran konsonan likuida getaran /r/ dalam SMKK juga mempunyai pengecualian. Misalnya, kedudukan konsonan likuida getaran /r/ pada posisi koda dalam suku kata pertama disebut atau dieja sekali dengan suku kata kedua dalam sesuatu perkataan yang mempunyai tiga suku kata. Pengecualian ini tidak membenarkan sebarang proses fonologi berlaku. Seandainya proses ini menghasilkan struktur permukaan maka struktur permukaan yang dihasilkan tidak tepat disebabkan oleh kata dasar bagi sesuatu perkataan dikawal oleh ambisilabik dengan vokal setelah fonem likuida getaran /r/ berubah menjadi frikatif velar bersuara [ɣ]. Pengecualian pengguguran /r/ yang berlaku dalam SMKK adalah seperti yang berikut:

SMKK		BMS	
/bərħənti/	/bə + rənti/	[bəɣənti]	* [bəħənti] “berhenti”
/bəranak/	/bə + ranak/	[bəɣanaʔ]	* [bəanaʔ] “beranak”
/bərħantar/	/bə + rantar/	[bəɣantaʕ]	* [bəħantaʕ] “berhantar”

Oleh itu, jelaslah bahawa bagi perkataan yang mempunyai tiga suku kata pada suku kata pertama dan kedua yang disebut dan dieja sekali tidak akan mengalami proses pengguguran konsonan likuida getaran /r/ kerana hal ini bertentangan dengan rumus pengguguran konsonan likuida getaran /r/. Oleh itu, sekiranya proses pengguguran konsonan likuida getaran /r/ dilaksanakan maka struktur permukaan yang dihasilkan adalah tidak tepat seperti * [bəħənti], * [bəanaʔ] dan * [bəħantaʕ].

PENGGUGURAN FRIKATIF GLOTIS /h/

Proses pengguguran frikatif glotis /h/ dalam Wayang Kulit Seri Asun juga turut berlaku dalam suku kata kedua selepas fonem getaran /r/ berubah menjadi frikatif velar bersuara [ɣ] pada struktur permukaan. Hal ini terjadi kerana, sebutan Tok Dalang yang melibatkan proses pengguguran frikatif glotis /h/ berlaku pada suku kata kedua dalam sesuatu perkataan yang mempunyai tiga suku kata sahaja. Dalam hal ini, terdapat juga perkataan

yang mengandungi fonem frikatif glotis /h/ selain menduduki posisi suku kata kedua, namun sebutan fonem frikatif glotis /h/ disebut oleh Tok Dalang kerana proses pengguguran frikatif glotis /h/ tidak berlaku. Contoh pengguguran frikatif glotis /h/ yang berlaku dalam SMKK disenaraikan seperti yang berikut:

		SMKK		BMS
i.	Imbuhan awalan bər-	bərharga/ [bəɣaga]	*[bərarga]	“berharga”
	/bərhari/ [bəɣari]	*[bərari]		“berhari”
	/bərhənti/ [bəɣənti]	*[bərənti]		“berhenti”
	/bərharap/ [bəɣarap]	*[bərarap]		“berharap”
	/bərhantar/ [bəɣantaŋ]	*[bərantaŋ]		“berhantar”
ii.	Imbuhan awalan tər-	/tərhantuk/ [təɣantoʔ]	*[tərantoʔ]	“terhantuk”
iii.	Imbuhan awalan pər-	/pərhati/ [pəɣati]	*[pərati]	“perhati”

Rumus bagi pengguguran frikatif glotis /h/ adalah seperti yang berikut:

$$/h/ \longrightarrow \emptyset / K \{ r \} \text{ ______ } V$$

Rumus di atas menjelaskan bahawa fonem frikatif glotis /h/ akan mengalami pengguguran apabila konsonan likuida getaran [r] hadir pada sempadan awalan suku kata pertama sahaja dalam SMKK. Kehadiran fonem likuida getaran /r/ yang berada pada sempadan awalan suku kata pertama juga menjadi faktor utama dalam pengguguran fonem frikatif glotis /h/ disebabkan oleh fonem ini mendahului fonem likuida getaran /r/ dan juga vokal.

PENGGLOTISAN

Proses pengglotisan merupakan proses fonologi oleh konsonan velar plosif tidak bersuara, iaitu konsonan /k/ dan velar bersuara /g/ berubah menjadi hentian glotis [ʔ] apabila fonem velar tidak bersuara /k/ dan velar bersuara /g/ hadir pada posisi koda dan posisi koda dalam suku kata (Farid, 1980,

p. 9). Dalam Wayang Kulit Seri Asun, pengglotisan juga berlaku pada posisi koda dan hadir pada posisi koda dalam suku kata yang mempunyai dua suku kata dan tiga suku kata sahaja. Perkataan yang mengandungi konsonan velar plosif tidak bersuara /k/ banyak terdapat dalam sebutan Tok Dalang sebaliknya dapatan data velar bersuara /g/ tidak diperoleh dalam dialog Wayang Kulit Seri Asun. Walau bagaimanapun, jika fonem velar plosif tidak bersuara /k/ dan velar bersuara /g/ menduduki posisi lain selain posisi koda dan posisi akhir data dalam suku kata bagi sesuatu perkataan, maka proses pengglotisan tidak akan berlaku dan dikekalkan pada struktur permukaan. Proses pengglotisan dalam SMKK adalah seperti yang berikut:

		SMKK	BMS
i. /k/ Posisi Koda	/lok lak/	[loʔlaʔ]	“tidak beradab”
	/sakti/	[saʔti]	“sakti”
Posisi Akhir Kata	/pucuk/	[pucoʔ]	“pucuk”
	/koyak/	[koyaʔ]	“koyak”
	/tumbuk/	[tumboʔ]	“tumbuk”
	/duduk/	[dudoʔ]	“duduk”
	/təruk/	[təyoʔ]	“teruk”
ii. /g/ Posisi Koda		tiada	
Posisi Akhir Kata		tiada	

Berdasarkan contoh di atas, rumus bagi pengglotisan dapat diuraikan seperti yang berikut:

$$\begin{array}{c}
 k \rightarrow [ʔ] / \text{---} \# \\
 g \quad \quad \quad | \\
 \quad \quad \quad \text{Ko}
 \end{array}$$

	SMKK		BMS
/tangka/	[tangka]	*[tãŋga]	“tangga”
/pandzang/	[pandzang]	*[pãndzang]	“panjang”

Penasalan vokal secara regresif ini merupakan pengecualian bagi penasalan vokal kerana proses ini berlaku dari kanan ke kiri yakni bertentangan dengan penasalan vokal secara progresif. Hal ini juga bertentangan dengan proses penasalan yang berlaku dalam SMKK yakni proses yang dihasilkan berlaku kerana menerima fitur di sebelah kiri sahaja. Oleh itu, perkataan seperti /tangka/ dan juga /pandzang/ dalam SMKK menghasilkan struktur permukaan yang tidak tepat kerana kata /tangka/ berubah menjadi *[tãŋga] dan kata /pandzang/ menjadi *[pãndzang].

PENYISIPAN GELUNCURAN [w] dan [j]

Farid (1980) menjelaskan proses penyisipan geluncuran terbahagi kepada dua, iaitu geluncuran leksikal dan bukan leksikal. Geluncuran leksikal merupakan geluncuran yang wujud pada peringkat dalaman sebelum vokal, manakala geluncuran bukan leksikal dikenali sebagai rumus penerbitan vokal pinggiran. Proses penyisipan geluncuran berlaku dalam SMKK dikenal pasti melalui sebutan Tok Dalang bagi perkataan yang mengandungi urutan vokal depan tinggi /i/ dan vokal tinggi belakang /u/. Perkataan yang mengandungi urutan vokal tinggi /i/ dan vokal tinggi /u/ akan melalui proses penyisipan geluncuran yakni disisipkan dengan fonem geluncuran [w] dan [j]. Beberapa dapatan data diperoleh daripada sebutan Tok Dalang dan disenaraikan seperti yang berikut:

	SMKK		BMS
i. Penyisipan Geluncuran /w/	/buah/	[buah]	“buah”
	/rasuah/	[ɔasuwah]	“rasuah”
	/keluar/	[kɔluwaf]	“keluar”
	/luar/	[luwaf]	“luar”
	/tua/	[tuwa]	“tua”

ii. Penyisipan Geluncuran /j/	/tʃəria/	[tʃərija]	“ceria”
	/durian/	[duɽijan]	“durian”
	/hadiah/	[hadijah]	“hadiah”
	/siapa/	[sijapa]	“siapa”
	/təriak/	[təɽijaʔ]	“menangis”

Rumus penyisipan geluncuran [w] dan [j] adalah seperti yang berikut:

$$\emptyset \rightarrow \begin{matrix} w \\ j \end{matrix} / \begin{matrix} i \\ u \end{matrix} \text{ ______ } V$$

Berdasarkan rumus di atas, sesuatu perkataan dalam SMKK yang mempunyai urutan vokal depan tinggi /i/ akan disisipkan dengan geluncuran [j], manakala perkataan yang mempunyai urutan vokal tinggi belakang /u/ akan disisipkan dengan geluncuran [w]. Penyisipan geluncuran [w] dan [j] hanya berlaku dalam perkataan yang mempunyai dua suku kata dan tiga suku kata sahaja dalam SMKK. Proses penyisipan geluncuran dilihat hanya berlaku dalam perkataan yang bergugusan /ua/ dan /ia/ bagi perkataan yang terdapat dalam SMKK.

PENYISIPAN VOKAL TENGAH *SCHWA* [ə]

Penyisipan vokal tengah *schwa* [ə] berlaku dalam Wayang Kulit Seri Asun, yakni penyisipan berlaku selepas fonem likuida getaran /r/ dalam suku kata. Hal ini dapat dikenal pasti melalui sebutan yang dihasilkan oleh Tok Dalang, yakni penyisipan vokal tengah *schwa* [ə] menyebabkan perkataan yang mengandungi fonem /r/ berubah menjadi frikatif velar bersuara [ɣ] pada struktur permukaan. Penyisipan vokal tengah *schwa* [ə] yang berlaku terdiri daripada dua suku kata sahaja dalam SMKK. Contoh perkataan melalui proses penyisipan vokal tengah *schwa* [ə] adalah seperti yang berikut:

	SMKK	BMS
/cərdik/	[tʃəɣədeʔ]	“cerdik”
/kərdʒa/	[kəɣədʒa]	“kerja”
/pərnah/	[pəɣənah]	“pernah”
/pərlu/	[pəɣəlu]	“perlu”
/tərbang/	[təɣəban]	“terbang”

Penyenaraian perkataan melalui penyisipan vokal tengah *schwa* [ə] diperincikan melalui rumus penyisipan vokal tengah *schwa* [ə] seperti yang berikut:

$$\emptyset \rightarrow [ə] / K \{ \gamma \} ______ K$$

Berdasarkan rumus yang telah diperincikan di atas, jelas menunjukkan bahawa penyisipan vokal tengah *schwa* [ə] berlaku di antara dua konsonan, yakni penyisipan berlaku apabila vokal tengah *schwa* ini mendahului konsonan geseran velar bersuara [ɣ] dan juga diikuti oleh konsonan yang lain. Namun begitu, perkataan yang mempunyai fonem likuida getaran /r/ pada posisi koda bagi suku kata pertama tidak akan mengalami proses pengguguran walaupun berada pada posisi koda sebaliknya boleh disisipkan dengan vokal tengah *schwa* [ə].

KESIMPULAN

Makalah ini telah membincangkan proses fonologi SMKK dalam Wayang Kulit Seri Asun berdasarkan proses fonologi mengikut Teori Fonologi Generatif oleh Chomsky dan Halle (1968). Melalui proses fonologi yang telah dihuraikan dan dibincangkan, terdapat 10 jenis proses fonologi yang telah dikenal pasti dalam SMKK dan kajian ini telah menjawab persoalan bahawa SMKK tidak dipengaruhi oleh sebarang unsur variasi dialek Kedah Siam walaupun terdapat sebilangan komuniti yang fasih menuturkan Dialek Kedah Siam dan lokasi kajian yang berhampiran dengan daerah Padang Terap yang bersempadan dengan negara Thailand di sebelah utara. SMKK yang dituturkan mencerminkan sebutan jati subdialek ini. Perbincangan makalah ini diharapkan dapat menambah sumbangan hasil kajian subdialek di Kedah yang kurang diberikan perhatian serta kajian ini

dapat dijadikan sumber rujukan dalam mengkaji aspek fonologi SMKK secara dekat dan juga penambahbaikan kajian oleh penyelidik baharu pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Karim Ismail. (1971). *Dialek Baling – sifat-sifat umum kumpulan teks Latihan Ilmiah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (1977). *The phonological diversity of the Malay dialects*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1988). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur galur bahasa Melayu edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1986). *Antologi kajian dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky, N dan Halle. M. (1968). *the sound pattern of English*. New York: Harper & Row Publisher.
- Farid Mohd. Onn. (1980). Aspects of Malay phonology and morphology: A generative approach. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ida Ahmad. (1969). *Fonologi bahasa Kedah*. *Jurnal Dewan Bahasa*, 13(12), 531-537.
- Noriah Mohamed. (2014). Leksikal umum dan eufemisme dalam dialek Melayu Kedah dengan bahasa Melayu standard. In Noriah Mohammed dan Radiah Yusoff (Eds.). *Pendekatan kontrastif dan komparatif: Bahasa-bahasa di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia.
- Persembahan Wayang Gedek Seri Asun: Budi Bahasa Budaya Kita. (2006). Video. Kedah: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Kedah.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahidi A. Hamid (2012). Analisis fonologi subdialek Kedah Utara. In Rahim Aman (Ed.). *Bahasa Melayu bahasa universal*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shuib Ismail. (1971). *Dialek Kedah persisiran: Satu kumpulan teks serta pembicharaan linguistik* (Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera tidak diterbitkan). Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Tajul Aripin Kassin. (2011). *Modul MLL 301 Malay phonetics and phonology*. Singapura: University of Singapore Institute of Management.
- Tajul Aripin Kassin. (2014). *Modul pengajaran dan pembelajaran HMT 501*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Teoh Boon Seong. (1994). *The sound system of Malay revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wayang Kulit Seri Asun: Nasib Si Miskin*. (2004). Video. Kuala Lumpur: INSICTECH MUSICLAND SDN. BHD.
- Wayang Kulit Seri Asun: Awang Kena Naya*. (2006). Video. Kuala Lumpur: INSICTECH MUSICLAND SDN. BHD.
- Wayang Kulit Seri Asun: Air Mata Ibu Tiri*. (2008). Video. Kuala Lumpur: INSICTECH MUSICLAND SDN. BHD.
- Wayang Kulit Seri Asun: Gila Gambar*. (2010). Video. Kuala Lumpur: INSICTECH MUSICLAND SDN. BHD.
- Zaharani Ahmad. (2006). Kepelebagaian dialek dalam bahasa Melayu: Analisis tatatingkat kekangan. *e-Bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 1 (1), 26.

Diperoleh (*received*): 4 Julai 2019

Diterima (*accepted*): 21 Mac 2019